

S: Bolehkah terangkan mengenai latar belakang bidang Jurutera Perniagaan atau lebih dikenali sebagai Business Engineer di negara ini?

J: Peningkatan peranan jurutera perniagaan dalam industri berlandaskan teknologi dan kejuruteraan mendorong Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan lebih banyak program berkaitan bidang kejuruteraan dan perniagaan. Langkah ini sejajar sasaran negara melahirkan jurutera serba boleh iaitu pakar dalam menguruskan keperluan teknikal selain bijak membuat keputusan dalam pengurusan sesebuah organisasi.

Program ini memfokuskan dua aspek iaitu kejuruteraan dan perniagaan berbanding program kejuruteraan yang berdasarkan sains konvensional. Keunikan program ini ialah pelajar didekati kepada latihan dan pengetahuan pengurusan selain mengikuti kursus dalam bidang kejuruteraan dengan pemberian 50 peratus kejuruteraan dan 50 peratus pengurusan perniagaan.

S: Apakah perbezaan program jurutera perniagaan dengan kejuruteraan konvensional?

J: Keperluan mewujudkan penawaran berasingan bagi program kejuruteraan perniagaan ini kerana bidang kerjaya berbeza. Contohnya, sebelum ini kebanyakannya syarikat di negara kita menggasingkan pengurusan perniagaan dalam aspek teknikal kejuruteraan yang mana keperluan memahami kedua-dua aspek amat

UMP berazam lahir pakar jurutera perniagaan

penting kerana sebarang keputusan harus mengambil kira kekangan dan isu berkaitan.

Hasil perbincangan dengan pihak industri mendapat keperluan mewujudkan satu jawatan yang menghubungkan kedua-dua disiplin ini. Jurutera perniagaan memahami ilmu kejuruteraan, mampu membaca rekaan atau blue print yang disediakan jurutera serta mengaplikasikannya dalam sesetiap organisasi, namun penyandang jawatan itu juga lebih bersifat praktikal, bukan saja tahu mengenai reka cipta, tetapi turut tahu cara mengaplikasikannya.

UMP mengambil pendekatan membezakan pelajar bidang kejuruteraan perniagaan sejak zaman pengajian mengelak kelebihan dalam kalangan pelajar mahupun ibu bapa mengenai prospek baru kerjaya yang belum dikenali secara meluas di negara kita ini tetapi sebenarnya sudah diiktiraf di luar negara.

S: Adakah usaha UMP memfokuskan penawaran program kejuruteraan perniagaan akan menjadikan permintaan terhadap kerjaya jurutera?

J: UMP menawarkan program ini selaras kehendak industri yang memerlukan jurutera dan pengurusan memainkan peranan mereka dengan lebih baik dan sesuai pada masa depan. Hasil perbincangan dengan industri menunjukkan keperluan semakin meningkat bagi jurutera untuk memahami realiti dan pelbagai elemen menjalankan perniagaan yang berjaya.

Wujud juga keperluan meningkat bagi eksekutif perniagaan supaya mampu memahami faktor yang mempengaruhi reka bentuk dan pelaksanaan ciptaan. Kita tetap memerlukan jurutera terutama dalam bidang

teknologi tinggi termasuk kejuruteraan pesawat yang memerlukan rekaan dan ujian terperinci berbanding jurutera perniagaan.

Kedua-dua pengamal bidang profesional ini perlu digandingkan secara sinergi bagi mengelak pergantungan terhadap teknologi luar dan melonjak pembangunan ekonomi negara. Lebih utama bagi universiti melihat keperluan industri dengan menyediakan bakal jurutera yang berpengetahuan dalam kedua-dua bidang bidang perniagaan dan kejuruteraan.

S: Apakah inisiatif UMP bagi mempromosikan bidang pengajian dan kerjaya berpotensi tinggi ini?

J: Program syarahan awam berjudul The Convergence: Business Engineering di Putrajaya baru-baru ini ialah satu daripada inisiatif UMP bagi mempelbagaikan program akademik. Syarahan awam itu juga menjadi wadah bagi ahli akademik dari Reutlingen University (RU) Jerman untuk

Keprakaran dalam bidang kejuruteraan saja kini tidak memadai kerana kian banyak industri berdasarkan teknologi kini memerlukan jurutera yang turut mempunyai kemahiran memimpin dan mengurus. Universiti Malaysia Pahang antara institusi pengajian tinggi yang peka dengan keperluan menghasilkan graduan serba boleh itu dengan memperkenalkan pengajian Kejuruteraan Perniagaan, seperti disampaikan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim kepada wartawan Varsiti, ROSNIZA MOHD TAHA.

memberi penerangan lebih jelas mengenai keperluan jurutera perniagaan. Secara tidak langsung, ia memberi kesedaran dalam kalangan orang awam khususnya untuk menerima program

baru ini.

Sesi syarahan itu menampilkan tokoh jurutera perniagaan yang juga Presiden RU, Prof Hendrik Brumme; Pengarah Pejabat Antarabangsa RU, Prof Dr Baldur Veit serta Dekan ESB Business School RU, Prof Dr Ottmar Schneek.

Program dirasmiakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Mohd Nor dan Duta Jerman, Dr Gunther Gruber yang juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) penawaran pengajian kejuruteraan perniagaan. Lebih 500 jemputan dalam kalangan wakil industri, ahli akademik, wakil institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan pemutu universiti hadir untuk memperoleh pengetahuan pakar dari Jerman berkenaan.

S: Mohon jelaskan penawaran program pengajian kejuruteraan perniagaan UMP?

J: Baru-baru ini UMP memeterai MoU dengan Reutlingen University (RU) bagi menawarkan program Dwip Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan. Menerusi program ini, pelajar akan berpeluang melanjutkan pengajian selama tiga semester di Jerman sementara pelajar dari Jerman juga berpeluang mengikuti program sama bagi tempoh empat semester di UMP.

Buat permulaan hanya 30 pelajar berkelayakan akan diambil dan pengambilan pertama pada September 2014. Program pengajian berisi multidisiplin ini mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan serta nilai pendapatan mereka dalam pasaran kerja.

S: Apakah harapan Prof dalam merealisasikan program ini?

J: Sinergi dan saling melengkapi antara pihak universiti, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, penaja serta pihak industri penting dalam usaha mewujudkan integrasi ilmu bagi meningkatkan tahap ekonomi semasa. Selain itu, penawaran program baharu serta galakan pelaksanaan program berbentuk akademik dan keusahawanan adalah penting, wajar serta tepat pada masanya.

UMP berharap program ini dapat menjadi satu wadah penghubung antara institusi pengajian tinggi dengan pihak industri untuk bertukar idea serta pandangan. Program ini juga akan memberi lebih banyak pilihan untuk menyambung pengajian peringkat lebih tinggi seterusnya melahirkan modal insan berketrampilan dan berpengetahuan tinggi.



Jurutera yang mempunyai kemahiran pengurusan organisasi menjadi keperluan industri teknologi masa depan.



GAMBAR HIASAN

S: Apakah harapan Prof dalam merealisasikan program ini?

J: Sinergi dan saling melengkapi antara pihak universiti, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran, penaja serta pihak industri penting dalam usaha mewujudkan integrasi ilmu bagi meningkatkan tahap ekonomi semasa. Selain itu, penawaran program baharu serta galakan pelaksanaan program berbentuk akademik dan keusahawanan adalah penting, wajar serta tepat pada masanya.